

PM sokong negara Islam kuasai media gergasi Barat

UM - 1 JUL 2000

KUALA LUMPUR 30 Jun — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyokong cadangan supaya kekayaan negara-negara Islam digunakan untuk menguasai agensi media gergasi Barat bagi memastikan mereka memancarkan imej Islam yang sebenarnya.

Menurut beliau, selama ini, Islam sering dipandang serong akibat laporan yang berat sebelah disebabkan laporan agensi berita utama dunia yang dikuasai pihak tertentu.

“Keadaan ini amat ketara umpamanya dalam konflik ketenteraan antara Amerika Syarikat dan Iraq, peperangan Bosnia dan Kosovo serta di Chechnya yang memperlihatkan tiada pembelaan yang sewajarnya dilakukan terhadap

masyarakat Islam,” tegasnya.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan dari para peserta semasa sesi soal jawab pada Seminar dan Dialog Antarabangsa yang bertemakan ‘Mengukuhkan Pemahaman Terhadap Islam untuk Media’ anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Kumpulan Utusan, di sini, hari ini.

“Saya memang menyokong kalau ada yang mahu membeli agensi berita asing seperti CNN, tetapi, terpulanglah kepada mereka yang berkemampuan untuk bertindak demikian,” katanya.

Ketika menjawab mengenai mengapa imej umat Islam sering diburukkan, Perdana Menteri menjelaskan, kelakuan dan amalan

sesetengah umat Islam sendiri sering menjadi punca situasi tersebut terus berlarutan.

Katanya, amalan buruk golongan ini secara langsung memperkukuhkan tanggapan bahawa agama Islam adalah agama yang kolot serta tidak berpijak pada realiti.

“Baru-baru ini di negara kita, ada yang menyarankan supaya restoran-restoran berasingan disediakan untuk lelaki dan perempuan.”

“Jika ini dibuat, kita terpaksa ada kan bas, teksi serta kapal terbang berasingan, dan bermacam-macam lag-i... ini langsung tidak praktikal, ia akan hanya menunjukkan bahawa orang Islam adalah kolot dan agamanya tidak logik,” katanya.